



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

'62,551 MENERIMA MANFAAT ANJUNG KASIH YKN SEJAK DITUBUHKAN'

GEORGETOWN, 3 Mac 2019 – “Seramai 62,551 orang telah mendapat manfaat dari 10 buah Anjung Kasih YKN manakala seramai 103 orang pula telah menghuni di Anjung Kasih YKN Hospital Pulau Pinang sahaja sejak beroperasi pada 9 Januari 2019 dan empat (4) buah lagi Anjung Kasih YKN bakal beroperasi pada tahun ini”, kata YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara dalam Majlis Perasmian Anjung Kasih YKN Hospital Pulau Pinang pada hari ini.

Anjung Kasih YKN merupakan rumah penginapan sementara yang disediakan kepada ahli keluarga yang mengiringi pesakit yang sedang mendapat rawatan di hospital kerajaan.

Kerajaan sentiasa prihatin dan komited terhadap keperluan rakyat apabila sejumlah RM6.9 juta telah dibelanjakan bagi menubuhkan 10 buah Anjung Kasih YKN secara berperingkat dan sejumlah RM1.6 juta pula diperolehi melalui tajaan syarikat korporat.

Tambah YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah, “Pada tahun 2019 ini, usaha kita membantu rakyat, mendapat sokongan dan sambutan yang memberangsangkan daripada GLC dan syarikat korporat. Setakat Februari 2019 ini, YKN telah berjaya mendapat sumbangan berjumlah RM 1.9 juta untuk Anjung Kasih. Secara keseluruhan, kita telah mendapat sumbangan berjumlah RM3.6 juta sejak tahun 2016 untuk Anjung Kasih di seluruh Negara”.

“Saya menyeru dan mengalu-alukan agar lebih banyak badan korporat lain untuk tampil dan membantu mereka yang memerlukan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing”, ujar YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail lagi.

Turut hadir YB Dr. Afif Bahardin, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, YBhg. Dato’ Dr. Wan Mansor Hamzah, Pengarah Kesihatan Pulau Pinang, YBhg. Dato’ Dr. Norsidah Binti Ismail, Pengarah Hospital Pulau Pinang, YBhg. Dr. Zaliha Mustafa dan YBhg. Encik Mohamad Sahar Mat Din, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN dan YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Disediakan oleh : Bahagian Penjanaan Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.
No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420
Tarikh dikeluarkan : 2 Mac 2019